

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

11. Senaraikan semua pindaan enakmen sedia ada dan penggubalan enakmen baru sejak Mac 2008 sehingga kini di DUN Pulau Pinang.
- (a) Apakah enakmen yang sedang dikaji untuk pindaan?
 - (b) Adakah ADUN dibenarkan mengambil bahagian dalam proses pengubalan atau pemindaan enakmen sebelum dikemukakan untuk kelulusan DUN?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

11. Senarai pindaan enakmen sedia ada dan penggubalan enakmen baru sejak Mac 2008 sehingga kini di DUN Pulau Pinang adalah seperti di **Lampiran A**.
- (a) Enakmen-enakmen yang sedang dikaji adalah seperti berikut:
 - (i) Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian)1986 Pulau Pinang.

Pada ketika ini pihak Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sedang dalam proses mengadakan pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] untuk diselaraskan di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia. Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2019 telah disediakan dan pada ketika ini telah memasuki fasa *Regulatory Impact Assessment* (RIA) dan konsultasi di semua negeri sebelum Rang

Undang-Undang ini dibentangkan di Parlimen. Sehingga Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2019 diluluskan di Parlimen, Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1986 Pulau Pinang juga akan dipinda mengambil kira penerimaan pakai Akta Perhutanan Negara [Akta 313] yang diluluskan Parlimen kelak.

(ii) Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Dewan Bil 1/2020 yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Bahagian DUN juga telah diminta untuk menyemak semula Keistimewaan ADUN. Bahagian DUN kini dalam proses mengumpulkan data daripada negeri-negeri lain bagi tujuan perbandingan.

(iii) Rang Undang Undang (RUU) Penternakan Unggas

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) dalam proses penggubalan enakmen baru iaitu Rang Undang Undang (RUU) Penternakan Unggas yang telah dimuktamadkan oleh Pejabat Undang Undang dan sedia untuk dibentangkan di dalam DUN.

(iv) Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2020

Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2020 merupakan enakmen baru berkaitan sumber air negeri yang dicadang untuk dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dalam tahun 2020. Enakmen ini diperkenalkan bertujuan:

- memperkasakan dasar pengurusan sumber air negeri agar selari dengan keperluan semasa
- memperbaiki undang-undang bagi menjamin kelestarian sumber air negeri
- penyelarasan bersama agensi pengurusan negeri-negeri berjiran

- menjana sumber hasil negeri yang lebih efisien (perlesenan *point source & non-point source*, *raw water fees*, *ground water fees*, *compound/penalty*, *licensing*)
 - pengurusan kualiti sumber air yg lebih mampan
 - memperkasakan undang-undang berkaitan pewartaan kawasan tadahan air dan penguatkuasaan yang berkaitan.
- (b) Bagi memastikan suatu perundangan boleh diterima oleh masyarakat, mekanisme penggubalan atau pindaan suatu perundangan adalah bersifat holistik dan menyeluruh. Ini termasuklah proses konsultasi terbuka dengan semua pihak. Perkara 76 dalam Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan supaya suatu perundangan yang digubal atau dipinda perlu mendapatkan rundingan daripada Kerajaan Negeri. Tiada ketetapan yang jelas yang menghadkan kaedah konsultasi ini dijalankan. Suatu perundangan yang berkualiti adalah perundangan yang mengambil kira sokongan semua kumpulan berkepentingan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan. Enakmen yang dalam proses untuk digubal atau dipinda akan dibentangkan terlebih dahulu kepada ADUN bersama EXCO terlibat secara langsung sebelum diangkat dalam Dewan Undangan Negeri setelah mendapat ulasan daripada Pejabat PUU dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Dewan Undangan Negeri (Jawatankuasa Dewan dan Jawatankuasa Perlembagaan) juga menjadi salah satu medium yang melibatkan ADUN dalam proses penggubalan ataupun pindaan enakmen yang berkaitan.

Senarai pindaan enakmen sedia ada dan enakmen baru sejak Mac 2008 hingga kini di DUN Pulau Pinang adalah seperti berikut :-

Bil	Tajuk Enakmen
1	Enakmen Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009
2	Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010
3	Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 <ul style="list-style-type: none"> • Pindaan 2012
4	Enakmen Caj Air Pulau Pinang (Pengesahan) 2011
5	Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010
6	Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) 2012
7	Enakmen Penternakan Babi 2016
8	Enakmen Pinjaman Negeri Pulau Pinang (Bank dan Sumber-sumber Kewangan Lain) 2017
9	Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017
10	Enakmen Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017
11	State of Penang Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Enactment 1961
12	Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) <ul style="list-style-type: none"> • Pindaan 2008 • Pindaan 2009 • Pindaan 2010 • Pindaan 2013 • Pindaan 2015

BIL	Tajuk Enakmen
13	Enakmen Pinjaman (Rancangan Untuk Membekal Air bagi Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2009
14	Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="373 524 655 562">• Pindaan 2018
15	Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2018
16	Enakmen Tabung Amanah Biasiswa dan Pinjaman Penuntut (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan), 2018